

Headline	1,311 SPESIES TUMBUHAN SUDAH DIREKOD		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	12	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	565 cm²
Journalist	Kuala Lumpur	AdValue	RM 22,172
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,516



Kuala Lumpur

TUMBUHAN UBATAN ORANG ASLI & MELAYU

1,311 SPESIES TUMBUHAN SUDAH DIREKOD



“
Frim menyasarkan untuk komersialkan produk berasas tumbuhan ubatan ini bagi meningkatkan tahap ekonomi Orang Asli
Dr Fadzureena

DR Fadzureena memaklumkan usaha mendokumentasikan pengetahuan tradisi berkaitan tumbuhan ubatan dalam kalangan masyarakat Orang Asli dan Melayu menjadinya antara usaha utama Frim.

mentasian.

Proses pendokumentasi-an tumbuhan ubatan dilaksanakan menerusi simpanan herbarium spesi-men (sampel tumbuhan kering yang dikepilkhan bersama maklumat) dan ter-bitan buku yang memperincikan ciri tumbuhan, ap-

likasi, nama saintifik dan suku kaum Orang Asli yang mengamalkan penggunaan tumbuhan itu.

Dr. Fadzureena berkata tumbuhan ubatan yang diperoleh turut dibawa ke makmal untuk menjalani ujian penilaian dan penge-sahan bagi mengenal pasti

manfaatnya dalam bidang perubatan, sebelum ia di-proses menjadi prototip produk ke arah usaha komersialisasi.

“Frim menyasarkan untuk komersialkan produk berasas tumbuhan ubatan ini bagi meningkatkan tahap ekonomi Orang Asli

dan memperkasaan ilmu perubatan tempatan. Kami mahu wujudkan platform iaitu Orang Asli menerima faedah secara adil dan sak-sama hasil perkongsian ilmu ini.

“Buat masa ini, kami su-dah merangka draf perjan-jian ABS (Access and be-

nefit-sharing) berdasarkan Akta 795 (Akta Akses ke-pada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017) ke arah merealisasikan usaha ini. Kami masih dalam proses perbincangan bersama pihak Orang Asli dan Kerajaan Negeri,” ka-tanya.

Usaha mendokumen-tasikan pengetahuan tradisi berkaitan tumbuhan ubatan dalam kalangan masyarakat Orang Asli dan Melayu menjadi antara usaha utama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) agar legasi itu tidak pupus ditelan zaman.

Pegawai Penyelidik Bahagian Hasilan Semula Jadi Frim Dr Fadzureena Jamaldin berkata, usaha itu penting berikutan ilmu pengetahuan dan amalan turun-temurun berkaitan tumbuhan ubatan lazimnya disampaikan secara lisan yang memerlukan proses pendokumentasian sempurna.

“Setakat ini, Frim telah merekodkan sejumla 677 spesies tumbuhan ubatan termasuk 2,452 herbarium spesimen hasil dokumentasi pengetahuan tradisi daripada 18 subetnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang telah dilaksanakan bermula pada 2007 sehingga kini. Daripada jumlah itu, sebanyak 100 spesies telah dibukukan.

“Kami juga sudah merekodkan 634 spesies tumbuhan ubatan termasuk 2,144 herbarium spesimen hasil pendokumentasian daripada 358 pengamal perubatan tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia sejak ia mula dilaksanakan pada 2013,” kata-nya kepada Bernama di Frim di sini.

Beliau berkata Frim juga telah melaksanakan per-bincangan awal bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka) dan Tok Batin di Kampung Orang Asli yang terlibat bagi menjaya-kan proses pendoku-